

IIFS mampu jadi pemangkin idea berani

ANA I I I

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menekankan kepentingan penubuhan Institut Antarabangsa Kajian Masa Hadapan (IIFS) bagi membawa idea berani.

Ketika melancarkan IIFS yang ditubuhkan di bawah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Perdana Menteri yakin institut terbabit mampu menjadi pemangkin kepada idea yang berani dan inovatif.

“Ia boleh dijayakan dengan tadbir urus yang kukuh dan ruang untuk pemikiran penyelidikan.

“Dengan komitmen yang berterusan, ia mampu mengangkat kedudukan UIAM sebagai peneraju global dalam kajian masa hadapan dan bidang lain yang berkaitan.

“Saya dengan ini memuji UIAM atas penubuhan IIFS. Penubuhan institusi seperti ini dalam sebuah universiti Malaysia dan Islam tepat pada masanya serta amat penting,” katanya, di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan dua jilid buku yang berjudul *A Malik Bennabi Reader* serta penubuhan IIFS di Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa (IS-TAC), di sini.

IIFS ialah sebuah institut



Anwar melancarkan dua jilid buku 'A Malik Bennabi Reader' serta merasmikan penubuhan IIFS di Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

yang berperanan dalam meneroka perspektif masa depan dunia Islam melalui kajian strategik dan pelbagai disiplin ilmu.

Institut itu bakal menjadi pusat rujukan utama dalam bidang pemikiran Islam, falsafah, dan pembangunan global.

Sementara buku *A Malik Bennabi Reader* pula diterjemahkan dan diulas oleh pensyarah dari AbdulHamid AbuSulayman Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan UIAM, Prof

Dr Mohamed El-Tahir El-Mesawi.

Ia menghimpunkan gagasan dan pemikiran Malik Bennabi, seorang pemikir Muslim abad ke-20 yang menekankan kepentingan reformasi intelektual dan spiritual bagi kebangkitan tamadun Islam.

Di ruangan kata pengantar, Perdana Menteri turut menyumbang penulisannya sebagai manifestasi penghargaan mendalam terhadap sumbangan

intelektual Malik Bennabi dalam mengupas dan menangani pelbagai cabaran yang melanda dunia Islam.

Hadir sama pada majlis itu ialah Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Dr Zulkifli Hasan, Presiden UIAM, Tan Sri Samsudin Osman dan Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA), Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki.